

PENDAHULUAN

- Wakaf merupakan salah satu ibadat dalam membantu insan yang memerlukan.
- Wakaf juga merupakan suatu amalan yang disyariatkan oleh islam.
- Menurut pelbagai pendapat menunjukkan bahawa takrifan harta wakaf adalah tertahan dari sudut pemiliknya dan manfaatnya boleh dinikmati bersama.
- Dengan adanya perlaksanaan tanah wakaf ini, masyarakat dapat membangunkan sektor pertanian bagi menjana keuntungan serta menaik taraf sosio-ekonomi dan seterusnya membasmikan kemiskinan.

PERMASALAHAN KAJIAN

2 persoalan yang menjadi suatu perkara pokok dalam pembangunan harta wakaf pada masa kini :

1. Apakah jenis pembangunan yang boleh dibuat?
2. Daripada manakah dana atau pembiayaan dapat diperolehi untuk membangunkan tanah wakaf?

PENDEKATAN KONTRAK MUSAQAH UNTUK WAKAF PERTANIAN

> Pembangunan tanah wakaf terbiar boleh dibangunkan untuk menjana pendapatan golongan miskin dengan mewujudkan peluang pekerjaan.

> *Musaqah* dari segi bahasa bererti saling menyiram dalam usahasama pengurusan pertanian.

> *Musaqah* dari segi syara' pula ialah satu kontrak penyerahan tanaman atau berdasarkan hasil tanaman.

"Sesiapa yang mempunyai tanah, hendaklah dia mengusahakannya dengan bercucuk tanam dan tidak ada pembahagian yang lain sama ada 1/3 atau 1/4 dan tidak ada hak yang ditentukan" -hadis Rasulullah

RUKUN MUSAQAH

1. Kedua Pihak Yang Berkontrak - Seseorang yang baligh dan berakal
2. Objek *Musaqah* - Imam Syafie mensyaratkan buah kurma dan anggur.
3. Buah - Segala penghasilan pohon menjadi milik kongsi, tidak juga diharuskan jika semua hasil hanya diperuntukkan untuk sebelah pihak sahaja.
4. Kerja - Segala kerja mengenai pengurusan pohon akan diberi kuasa sepenuhnya kepada pengurus.
5. Ijab & Qabul - Ungkapan boleh dibuat oleh pihak pemilik atau pengurus. Tetapi ungkapan sewa tidak boleh digunakan dalam kontrak *Musaqah*.

MODUS OPERANDI KONTRAK MUSAQAH (cont)

5. Hasil jualan boleh diagihkan antara pengusaha dan pihak berkuasa berdasarkan persetujuan.

MODUS OPERANDI KONTRAK MUSAQAH

5 cadangan operasi dalam mengimplementasi kontrak *Musaqah* untuk membangunkan tanah wakaf terbiar di Malaysia.

1. Modal dikumpul daripada orang ramai melalui kutipan saham wakaf dan sumbangan saham wakaf pokok.
2. Hanya golongan miskin yang berkeupayaan dari segi fizikal dan mental dipilih oleh pihak berkuasa.
3. Pihak berkuasa akan menyediakan sebidang tanah dan modal untuk proses penanaman kepada golongan miskin.
4. Pengusaha akan menguruskan ladang sehingga dapat dikutip dan dijual.

